

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perkembangan cadangan bagi menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani isu kadar pengangguran dalam kalangan belia dan tangga gaji yang tidak setimpal.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 11 September 2019 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa ini bertindak sebagai badan perunding, penyelaras dan penasihat kepada Kerajaan untuk meluaskan peluang pekerjaan anak muda daripada aspek dasar, perancangan serta pelaksanaan agenda pembangunan ekonomi anak muda.
2. Jawatankuasa ini terdiri daripada pihak Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), perbankan, penyelidik, dan peneraju industri. Penglibatan pelbagai pihak ini akan dapat membantu Kerajaan ke arah mencapai mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan kepada anak muda dalam tempoh 5 hingga 10 tahun seperti yang terkandung dalam Manifesto Kerajaan. Antara isu-isu yang akan dibincangkan oleh jawatankuasa ini meliputi pengangguran, tawaran gaji rendah, peluasan sektor pekerjaan dalam pelbagai bidang, kesepadanan pendidikan/latihan mengikut keperluan industri dan lain-lain.
3. Susulan itu, mesyuarat bersama Kementerian Sumber Manusia dijangka akan diadakan pada minggu pertama bulan Oktober 2019. Tujuannya adalah untuk memuktamadkan cadangan inisiatif-inisiatif bagi mewujudkan peluang pekerjaan dalam kalangan anak muda sebelum dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda.
4. Pada umumnya, jawatankuasa ini akan mengadun satu pendekatan yang inovatif dengan menggalakkan kesinambungan dasar Kerajaan bersama keperluan industri dalam mempertingkatkan peluang pekerjaan yang berkualiti bagi generasi muda pada hari ini dan masa hadapan. Sekian, terima kasih.